

27 JAN 1996

Salleh-Umno

UMNO SABAH AKAN JUMPA PM MENGENAI PENGGILIRAN JAWATAN KETUA MENTERI

KOTA KINABALU, 27 Jan (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Sabah hari ini memutuskan untuk menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengemukakan pandangan berhubung penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak yang juga Ketua Perhubungan Umno Sabah berkata badan perhubungan itu pada mesyuaratnya hari ini sebulat suara memutuskan untuk mengadakan perjumpaan berkenaan, yang juga membincang isu semasa politik Sabah.

"Kita terikat dengan budaya parti dan sistem berorganisasi maka adalah wajar bagi kita untuk kemukakan pandangan melalui saluran parti dan bukannya melalui media massa," katanya kepada pemberita di ibu pejabat Perhubungan Umno Sabah di sini selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan.

Beliau berkata Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Yahya Hussin, yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, telah dipertanggungjawabkan untuk mengatur perjumpaan berkenaan.

"Adalah lebih baik jika kita sampaikan pendirian kita secara rombongan kepada beliau (Dr Mahathir) supaya beliau juga boleh menasihati kita dalam banyak perkara," katanya.

Salleh berkata keputusan menentang penggiliran jawatan Ketua Menteri itu adalah selari dengan pendirian anggota-anggota parti di seluruh peringkat di negeri ini.

Beliau berkata adalah penting Umno Sabah membincangkan perkara itu secara terperinci dengan Perdana Menteri dan terpulanglah kepada beliau untuk membuat keputusan.

Semalam, semua anggota komponen BN di Sabah bersetuju untuk menyerahkan perkara itu kepada Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN untuk membuat keputusan muktamad.

Pada pilihan raya negeri 1994, Dr Mahathir mencadangkan agar jawatan Ketua Menteri digilirkan antara pemimpin masyarakat utama negeri ini -- Bumiputera Islam, Bumiputera bukan-Islam dan Cina.

Mengenai kenyataan Setiausaha BN pusat Datuk Mohamed Rahmat yang meminta Umno Sabah mengenang jasa rakan komponen BN yang lain jika ingin terus mengekalkan kuasa, Salleh berkata: "Pada pendapat saya adalah penting juga untuk komponen dalam BN saling mengenang jasa antara satu sama lain." -- Bernama.